

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif & Seni Persembahan
Sent: Tuesday, 18 October, 2016 8:39 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Norsiah binti Abdul Hamid; Ahmad Hisham bin Zainal Abidin
Subject: PERJUMPAAN NAIB CANSELOR DENGAN STAF SCIMPA



Pusat Pengajian
Pengurusan Industri Kreatif
dan Seni Persembahan
SCHOOL OF CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT AND PERFORMING ARTS
Universiti Utara Malaysia



18 OKTOBER 2016 / 17 MUHARAM 1438H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum / Salam Sejahtera

Tuan/Puan

PERJUMPAAN NAIB CANSELOR DENGAN STAF PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN (SCIMPA)



SCIMPA ONLINE: Perjumpaan Naib Canselor, Yang Berbahagia Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak dengan staf Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan telah diadakan pada 13 Oktober 2016. Dalam perjumpaan ini, Yang Berbahagia Dato' Seri Naib Canselor menjelaskan tujuan utama penubuhan SCIMPA adalah selaras dengan perkembangan pesat dalam industri kreatif. Menurut laporan oleh International Institute for Management Development (IMD) dan Cisco Initiative (2015) berkaitan 'Digital Vortex', industri Media dan Hiburan menduduki kelompok kedua yang akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi dunia.

SCIMPA telah ditubuhkan pada 15 Ogos 2016 dan kini mempunyai 26 orang staf yang terdiri daripada Dekan, Timbalan Dekan, staf akademik dan staf pentadbiran. Pada masa ini, SCIMPA menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif dengan Kepujian [BCIM (Hons)], yang sebelum ini ditempatkan di bawah Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC). Program ini mempunyai 258 pelajar, dan akan melahirkan 25 orang graduan sulung pada Majlis Konvokesyen ke-29 tahun ini.

Perkara berkaitan tenaga pengajar, kursus-kursus di bawah program BCIM (Hons) serta perancangan dan hala tuju SCIMPA turut dibincangkan dalam perjumpaan ini. Antara yang hadir termasuklah Dr. Norsiah Abdul Hamid (Menjalankan Tugas Dekan), Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin (Timbalan Dekan), staf akademik dan staf pentadbiran SCIMPA. Turut hadir ialah Encik Ahmad Rasidi Abdullah (Pengarah Jabatan Canselori) dan Encik Mohd Zamri Ahmad (Menjalankan Tugas Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik).

Sekian dan salam hormat.

=====

PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 6451/6454
FAKS :04 - 928 6455